

Kerajaan tolak Kanun Jenayah Syariah II

BH 17 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan tidak mengiktiraf Kanun Jenayah Syariah II Kelantan mengenai hukum hudud walaupun ia diperkenankan oleh Sultan Kelantan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, undang-undang hudud Pas itu tidak mencerminkan tuntutan Islam yang sebenarnya kerana perundangan Islam memberi keadilan kepada se-

mua pihak.

Sehubungan dengan itu, katanya, Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda kerana kerajaan tidak mengiktiraf undang-undang berkenaan.

"Kita tidak iktiraf hudud Pas dan soal pindaan perlembagaan tidak terbabit.

Undang-undang itu bukan undang-undang hudud tetapi undang-undang hudud Pas. Kita tidak iktiraf itu sebagai

undang-undang hudud sehingga kita dapat mengkaji sedalam-dalamnya.

"Jadi kalau dia (Dewan Undangan Negeri Kelantan) nak luluskan, itu masalah dia. Kita tidak terima ia sebagai undang-undang Islam," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memerlukan masa

mengkaji rang undang-undang itu yang salinannya diserahkan oleh Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat, baru-baru ini.

"Dia (Nik Aziz) datang jumpa saya, dan cakap mengenai rang undang-undang itu. Dan saya terangkan pihak kita tidak boleh terima apa yang digubal oleh Pas sebagai mencerminkan keadilan mengikut undang-undang Islam.